

Praktis Pelantikan Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi di Selangor

Mohammad Noorazlan Md Ismail^{1*}, Nor Aini Ali², Suhaili Sarif²

¹ Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA

² Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA

*Corresponding Author: noorazlanismail211@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2023.04.02.015>

Article Info

Received: 31 July 2023

Accepted: 18 November 2023

Available online: 30 December 2023

Kata Kunci

Pelantikan penolong amil, institusi pengajian tinggi, prosedur pelantikan, asnaf pelajar, lembaga zakat Selangor

Keywords

Appointment of assistant trustees, higher education institutions, appointment procedures, student recipients, Selangor Zakat Board

Abstrak

Pelantikan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai penolong amil telah sekian lama dilaksanakan di negeri Selangor. Pelantikan ini merupakan satu bentuk desentralisasi pengurusan zakat kepada pihak IPT sekaligus dapat membantu dan menjaga kebajikan warga mereka dalam kalangan pelajar dan staf. Kajian ini membincangkan berkait praktis dan prosedur dalam pelantikan IPT sebagai penolong amil. Kajian ini menggunakan pendekatan penerokaan kualitatif. Pengumpulan data telah dijalankan dengan menggunakan metode temu bual separa struktur. Kemudian, data temu bual dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa syarat pelantikan yang perlu dipenuhi sebelum pelantikan dilakukan. Selain itu, prosedur pelantikan serta peranan dan tanggungjawab penolong amil turut diperolehi dalam kajian ini. Bukan itu sahaja, kajian ini turut menyajikan bahagian pulangan yang diterima IPT untuk agihan zakat kepada asnaf.

Abstract

The appointment of Higher Education Institutions (HEIs) as assistant trustees has been implemented for quite some time in the state of Selangor. This appointment is a form of decentralization of zakat management to HEIs, simultaneously assisting and safeguarding the welfare of their community, including students and staff. This study discusses the practical aspects and procedures involved in appointing HEIs as assistant trustees. The study adopts a qualitative exploratory approach. Data collection is conducted using a semi-structured interview method. Subsequently, the interview data is analyzed using thematic analysis methods. The study found that there are several appointment criteria that need to be fulfilled before the appointment is made. Additionally, the appointment procedures, as well as the roles and responsibilities of assistant trustees, are identified in this study. Moreover, the study also presents the portion of zakat returns received by HEIs for distribution to asnaf (deserving recipients).

1. Pengenalan

Pelantikan institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai penolong amil buat kali pertama dipraktikkan oleh LZS pada tahun 1998. Universiti Teknologi Mara (UiTM) menjadi IPT pertama yang diberi tauliah oleh LZS selaku penolong amil untuk menjalankan aktiviti kutipan dan agihan zakat di institusi mereka. Pelantikan ini dipandu oleh Perjanjian Pelantikan Penolong Amil (IPTA) bersama Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang ditandatangani antara kedua-dua pihak pada 9 Mei 1998 [1]. Perjanjian tersebut sebagai panduan bagi IPT untuk menguruskan kutipan dan agihan zakat. Walau bagaimana pun, pentauliahkan tersebut perlu mengikut terma dan syarat yang ditetapkan. Kemudian, pada tahun 2008, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pula dilantik sebagai penolong amil pertama dalam kalangan IPT swasta.

Kini, bilangan penolong amil IPT di bawah kelolaan LZS berjumlah 15 buah IPT yang terdiri daripada empat buah IPTA dan 11 buah IPTS. Dengan ini, IPT-IPT yang telah dilantik menjadi penolong amil IPT perlu membentuk satu organisasi khusus yang akan mengelola pengurusan zakat di IPT. Pembentukan organisasi ini diserahkan sepenuhnya tanggungjawab ke atas pengurusan universiti dalam meletakkan individu-individu yang dirasakan berkelayakan dan bersesuaian dengan terma kebajikan pelajar. Organisasi tersebut mestilah dinamakan sebagai Tabung Amanah Zakat. Senarai penolong amil IPT seperti Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Senarai Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi di Selangor

Bil	Nama	Kategori
1	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	IPTA
2	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	
3	Universiti Putra Malaysia (UPM)	
4	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA)	
5	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	IPTS
6	Universiti Multimedia (MMU)	
7	Unitar International University (UNITAR)	
8	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	
9	Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL)	
10	Universiti Selangor (UNISEL)	
11	Management and Science University (MSU)	
12	Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) Cawangan Selangor	
13	Cyberjaya University College of Medical Science (CUCMS)	
14	Universiti Islam Malaysia (UIM), Cyberjaya	
15	Saito University College	

Sumber: Temu bual bersama Wakil LZS [2]

Secara dasarnya, pelantikan penolong amil IPT ini membantu institusi zakat dalam urusan kutipan zakat dengan lebih menyeluruh [3] sekali gus meningkatkan jumlah kutipan, khususnya dalam kalangan pembayar daripada warga IPT terbabit. Pelantikan ini juga memberi peluang kepada IPT untuk mengagihkan sendiri sebahagian daripada jumlah zakat yang dikutip kepada asnaf yang terdiri daripada kalangan pelajar universiti.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan data dikumpulkan melalui kaedah temu bual. Kaedah temu bual separa struktur dilakukan untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada pihak berkepentingan yang terlibat dengan pengurusan berkaitan penolong amil IPT. Persampelan bertujuan telah digunakan untuk mengenal pasti dan memilih informan bagi kajian ini berdasarkan skop penyelidikan. Dalam strategi pengambilan sampel bertujuan, informan dan lokasi dipilih untuk kajian ini kerana beranggapan bahawa informan yang dipilih dapat menyumbangkan pemahaman tentang masalah yang ingin dikaji [3]. Oleh kerana kajian ini tertumpu kepada pelantikan penolong amil IPT di Selangor, seorang informan daripada LZS telah dipilih menjadi subjek kajian.

Temu bual separa struktur dipilih sebagai sumber utama data kajian. Temu bual dilakukan secara bersemuka bersama wakil informan. Informan dipilih berdasarkan kesesuaian dan capaian beliau terhadap dasar dan prosedur pelantikan penolong amil IPT serta mampu untuk memberikan penerangan dan pemahaman mendalam mengenai topik kajian daripada perspektif pemberi maklumat [4]. Oleh itu, maklumat

prosedur pelantikan penolong amil IPT di Selangor telah diperoleh. Semasa sesi temu bual dijalankan, perakam audio digunakan untuk merakam data kemudian ditranskripsikan secara verbatim dalam bahasa lisan (Bahasa Melayu) untuk mengekalkan keaslian. Selepas itu, transkrip temu bual bersama informan dianalisis menggunakan analisis tematik.

3. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Terdapat empat dapatan utama yang diperoleh daripada kajian ini. Antara dapatan tersebut adalah syarat lantikan, prosedur pelantikan, peranan dan tanggungjawab serta bahagian penolong amil IPT dalam pengurusan zakat di Selangor.

3.1 Syarat-Syarat Lantikan Penolong Amil IPT

LZS selaku pihak bertanggungjawab dalam pengurusan hal ehwal zakat di Selangor diberikan kuasa untuk mentadbir zakat. Ini kerana hal ehwal berkaitan agama terletak di bawah kuasa Sultan mengikut perlembagaan negeri masing-masing. Termasuk juga dalam hal terkait melantik amil untuk melaksanakan gerak kerja pengurusan zakat. Perkara berkaitan syarat-syarat amil telah dibahas pada bab sebelum ini iaitu amil mestilah Muslim, mukallaf, amanah, memahami hukum zakat, mampu melaksanakan tugas, adil, merdeka, bukan keturunan Nabi SAW dan lelaki. Namun begitu, pelaksanaan masa kini menyaksikan bahawa pengurusan zakat oleh LZS dilaksanakan secara korporat yang dianggotai pelbagai kepakaran bidang. Di sini dapat dilihat bahawa LZS adalah amil zakat tunggal bagi negeri Selangor yang bertanggungjawab sepenuhnya atas hal ehwal pengurusan zakat.

Dalam proses pelantikan penolong amil, LZS menggunakan konsep wakalah iaitu melantik IPT bagi menyalurkan tugas-tugas amil. Oleh itu, terdapat syarat-syarat khusus yang telah ditetapkan oleh LZS dalam proses melantik IPT sebagai penolong amil. Terdapat lima syarat utama yang perlu dipenuhi oleh IPT antaranya adalah; (1) lokasi IPT di Selangor, (2) berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), (3) mempunyai prospek kutipan zakat, (4) kemampuan mengurus zakat dan (5) potensi IPT itu sendiri.

i) Lokasi IPT di Selangor

Dalam urusan kutipan zakat, LZS hanya dibenarkan untuk mengutip zakat di dalam kawasan negeri Selangor sahaja. Oleh itu, lokasi IPT yang akan dilantik menjadi penolong amil kepada LZS mestilah di dalam negeri Selangor. Jika terdapat IPT yang berada di luar negeri Selangor menyatakan minat untuk menjadi penolong amil LZS, maka permohonan mereka tidak akan diterima. LZS turut mempertimbangkan permohonan pelantikan IPT yang mempunyai kampus di Selangor sahaja sama ada kampus induk atau cawangan untuk menjadi penolong amil untuk menjalankan kutipan zakat dalam kalangan staf mereka.

Kalau syarat macam saya [LZS] sebut tadi, pertamanya IPT tu induk atau cawangannya dalam negeri Selangor. Sebab layaknya lantikan kita [LZS] dalam negeri Selangor sahaja. Kalau kata ada universiti dari luar [Selangor] nak memohon, tak bolehlah. Kecuali dia [IPT luar] ada cawangan di negeri Selangor. Kita boleh pertimbangkan sekiranya ada cawangan di negeri Selangor. So, kita [LZS] lantik cawangan. Tetapi kutipan mesti dalam Selangor. [2]

ii) Berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Status IPT juga perlu dipertimbangkan dalam meluluskan pelantikan mereka sebagai penolong amil IPT. IPT mestilah mendapat pengiktirafan dan berdaftar dengan KPM. Syarat ini dilihat khusus kepada IPTS yang ditubuhkan oleh pihak tertentu selain kerajaan. Ini bertujuan menjaga kepentingan hal ehwal zakat yang akan diuruskan oleh IPT yang beroperasi mengikut undang-undang dan dipantau oleh KPM.

Kemudian, berdaftar dengan KPT [KPM] tu lah [2].

iii) Mempunyai prospek kutipan zakat

Syarat seterusnya adalah IPT perlu mempunyai prospek kutipan zakat daripada pembayar dalam kalangan warga mereka. Bilangan staf Muslim dan kadar pendapatan mereka merupakan antara faktor penting dalam menilai prospek kutipan zakat. Bilangan staf Muslim yang minoriti akan menjadikan pengurusan zakat di IPT terbabit terlampau kecil dan tidak dapat memberi impak kepada asnaf pelajar yang perlu dibantu.

Kemudiannya mesti mempunyai potensi prospek kutipan pembayar [2].

iv) Kemampuan mengurus zakat

Kemampuan IPT dalam mengurus zakat turut menjadi syarat dalam melantik IPT sebagai penolong amil. Kemampuan tersebut amat penting kerana melibatkan proses kutipan dan agihan zakat. Justeru ia memerlukan kecukupan anggota untuk menanggung beban tugas tersebut. Ini juga melibatkan kepelbagaian ilmu dan kemahiran untuk melaksanakan pengurusan zakat di peringkat IPT. Skop kerja tertentu perlu dipertanggungjawabkan kepada anggota yang layak sahaja berdasarkan kepada kemahiran dan ilmu mereka. Kemampuan anggota yang kurang baik atau pertindihan bidang tugas boleh melambatkan pengurusan zakat yang melibatkan kerja berpasukan. Oleh itu, bagi urusan kutipan dan agihan perlu diasingkan kerana ia melibatkan skop tugas yang sangat berbeza.

Yang keempatnya mestilah mampu untuk menguruskan kutipan dan agihan zakat [2].

v) Potensi IPT itu sendiri

Syarat ini dilihat lebih menjurus kepada IPTS dalam melihat kepada potensi mereka untuk berkembang dengan lebih baik pada masa akan datang. Kestabilan pengurusan mereka pada tahap yang baik dapat memanfaatkan peluang mereka menguruskan zakat di peringkat IPT. Ini bermaksud, IPTS yang mempunyai masalah kewangan atau tidak ditadbir dengan cekap agak sukar untuk dipertimbangkan dilantik menjadi penolong amil IPT. IPTS perlu menunjukkan potensi mereka pada tahap terbaik dalam usaha untuk memohon pelantikan penolong amil IPT.

Yang kelima, institusi [IPT] yang berpotensi. Bukan macam kita kata dia nak tutup ke apa ke, mungkin IPTS lah, universiti awam tak kan [2].

Lima syarat utama berikut perlu dipatuhi IPT jika berhasrat untuk memohon menjadi penolong amil IPT di Selangor. Apabila syarat tersebut telah dipenuhi, langkah seterusnya boleh dimulakan untuk prosedur pelantikan IPT sebagai penolong amil IPT.

Jadi tu antara lima perkara yang saya [LZS] boleh kongsi untuk syarat utama pelantikan. Yang tadi kita [LZS] cakap dokumen. Syarat memenuhi, kita [LZS] akan pergi kepada borang permohonan tadi tu. Bila kita [LZS] bagi borang permohonan tapi syarat permohonan tu tak dipenuhi, kita [LZS] tak boleh proses. Memenuhi syarat utama dulu, baru ditawarkan borang lantikan. Daripada borang tu lah kita [LZS] akan proses lantikan [2].

Jadi, syarat utama yang perlu dipenuhi untuk menjadi penolong amil IPT di Selangor adalah IPT tersebut memiliki induk atau cawangan dalam negeri Selangor, berdaftar dengan KPM, mempunyai potensi dan prospek pembayar zakat, mampu menguruskan kutipan dan agihan zakat serta institusi yang berpotensi, tidak muflis.

Rajah 4.1: Syarat-Syarat Pelantikan IPT Sebagai Penolong Amil




Sumber: Temu bual bersama Wakil LZS [2]

3.2 Prosedur Pelantikan Penolong Amil IPT

Pelantikan penolong amil IPT yang diamalkan di Selangor memerlukan usaha yang berterusan daripada dua pihak. Prosedur pelantikan tersebut melibatkan proses yang ketat bagi menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak. Prosedur pelantikan mengandungi enam peringkat yang perlu dilalui berdasarkan rajah berikut.

Rajah 4.2: Carta Alir Prosedur Pelantikan Penolong Amil IPT



Sumber: Temu bual bersama LZS [2]

Pada peringkat awal, LZS menerusi wakil Jabatan Pengurusan Ejensi (JPE LZS) akan mengenal pasti terlebih dahulu universiti yang berminat untuk menjadi penolong amil. Pertemuan dan perbincangan ringkas dilakukan yang disertai kedua-dua pihak iaitu wakil JPE dan wakil IPT. Proses taklimat turut diberikan dalam memberi kefahaman awal berkenaan penolong amil IPT serta peranan dan tanggungjawab yang akan dipikul oleh pihak IPT jika bersetuju menjadi penolong amil LZS.

Pada peringkat kedua, pihak universiti perlu mengisi borang permohonan pelantikan penolong amil IPT. Segala keperluan dokumentasi yang diperlukan mestilah mencukupi sebelum borang permohonan dihantar kepada LZS. Setelah dilengkapkan borang dan keperluan dokumentasi yang diminta, pihak universiti boleh menghantar borang tersebut kepada pihak LZS untuk urusan seterusnya. Peringkat ini melibatkan gerak kerja sepenuhnya daripada pihak universiti.

Setelah borang permohonan daripada universiti diterima oleh JPE LZS, proses semakan dokumentasi dan borang permohonan dilakukan. Seterusnya, proses pengesahan dilakukan serta merta selepas proses semakan kesemua dokumentasi selesai. Pada peringkat ini melibatkan pihak LZS melalui JPE sahaja.

Seterusnya, setelah melepasi peringkat semakan dan pengesahan, permohonan pelantikan universiti sebagai penolong amil akan dibawa ke peringkat kelulusan. Pada peringkat ini melibatkan Divisyen Kutipan LZS untuk proses birokrasi peringkat terakhir.

Selanjutnya ialah kesemua proses tersebut diselesaikan dan dilengkapkan, proses dokumentasi perjanjian antara kedua-dua pihak LZS dan universiti dilakukan. Pihak universiti masih mempunyai pilihan sama ada untuk meneruskan atau tidak dengan permohonan pelantikan tersebut. Akhir sekali, surat tawaran pelantikan universiti sebagai penolong amil akan dikeluarkan oleh LZS. Di mana surat pelantikan tersebut mengandungi terma dan syarat serta peranan dan tanggungjawab yang telah ditetapkan. Setelah persetujuan terima pelantikan oleh pihak universiti dimaklumkan kepada LZS, barulah dokumen rasmi perjanjian ditandatangani bersama.

Oleh itu, terdapat beberapa proses yang perlu dilakukan dalam melantik IPT menjadi penolong amil IPT. Urusan pelantikan berikut melibatkan perbincangan bersama antara dua pihak iaitu LZS dan universiti.

3.3 Peranan dan Tanggungjawab Penolong Amil IPT

Dalam menelusuri skop tanggungjawab dan peranan penolong amil IPT, berdasarkan kepada amalan sistem pengurusan amil di peringkat LZS, mereka menawarkan dua bentuk sistem wakalah dalam pengurusan zakat di Selangor iaitu dengan melantik ejen dan penolong amil. Ejen merupakan individu, kumpulan orang atau syarikat dilantik oleh LZS sebagai pengutip zakat sahaja. Manakala bagi penolong amil pula, mereka ditauliahkan untuk menjalankan operasi mengutip zakat daripada pembayar dan mengagihkan kepada asnaf yang disyaratkan oleh LZS. Implikasi tugas yang berbeza ini menyebabkan LZS menawarkan upah yang berbeza bagi ejen dan penolong amil.

Dalam konteks kutipan ni, ada dua. Satu penolong amil, satu ejen. Ejen, dia [ejen] boleh kutip sahaja, tak boleh agih. Itu ada perbezaan yang disebut penolong amil dan juga ejen. Sebab tu dalam konteks penolong amil, dia [penolong amil] ada kadar yang berbeza. Kalau kita [LZS] tengok ejen bila kutip, Lembaga Zakat Selangor akan bagi kadar zakat tertentu sebagai upah kepada perkhidmatan tadi. Manakala penolong amil berbeza sikit sebab buat dua tanggungjawab, kutip dan agih [2].

Melihat kepada pelantikan dua penolong amil IPT yang menjadi sampel kajian, situasi tersebut sama amalannya antara satu sama lain. IPT yang dilantik menjadi penolong amil bertanggungjawab dalam melaksanakan proses kutipan dan agihan zakat. Atas amanah tersebut, IPT akan diberikan upah atas peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan. Namun begitu, penolong amil IPT turut terikat dalam melaksanakan amanah tersebut dengan keperluan mematuhi terma dan syarat had pengagihan kepada asnaf yang tertentu sahaja. Asnaf yang ditetapkan terhad kepada lima asnaf sahaja iaitu asnaf fakir, miskin, mualaf, fi sabilillah dan ibn sabil.

Sama juga IPT, tauliah untuk dikutip dan diagihkan zakat mengikut terma dan syarat had pengagihan zakat kepada asnaf tertentu. Secara umumnya, kita [LZS] faham bila mana dia [IPT] buat tugas dan tanggungjawab, dia [IPT] boleh kutip zakat dan agihkan zakat sebagai penolong amil [2].

Dalam penyeragaman tugas, penolong amil IPT perlu mengemukakan cadangan wakil yang akan menjalankan tugas mengelola urusan zakat di IPT kepada LZS. Ini menunjukkan kepada kemampuan IPT untuk menyediakan organisasi yang akan menjalankan urusan zakat. Ini juga merupakan salah satu syarat pelantikan penolong amil di mana IPT mestilah mempunyai kemampuan mengurus zakat. Bilangan staf yang mencukupi dan kemahiran staf yang sesuai dengan skop tugas pengurusan zakat diperlukan dalam memandu objektif utama zakat.

Pihak penolong amil IPT perlulah mengemukakan cadangan wakil siapa yang akan menjalankan tugas sebagai kita [LZS] kata orang yang menguruskan kutipan dan agihan bagi pihak IPT itu sendiri [2].


Oleh itu, penolong amil IPT perlulah menyediakan kakitangan yang khusus untuk mentadbir zakat di peringkat IPT. Kemungkinan IPT mempunyai masalah pada peringkat awal dalam soal pelantikan staf yang khusus mengurus zakat adalah dimaafkan. Namun begitu, IPT perlu sentiasa berusaha untuk menyediakan staf khusus agar kelancaran pengurusan zakat di peringkat IPT dapat dijaga dengan baik. Bukan itu sahaja, kemampuan staf pada tahap terbaik, penyusunan skop kerja yang jelas dan tidak bertindih akan melancarkan pengurusan zakat. Dengan ini, kelancaran urus tadbir zakat di IPT akan lebih sistematik dan efisien.

Jadi dekat sini, pihak IPT diminta menyediakan kakitangan yang khusus untuk mentadbir urus zakat. Untuk tahap awal mungkin kita [LZS] boleh terima pakai kakitangan yang sedia ada, tapi untuk jangka masa panjang perlu ada kakitangan yang khususlah [2].

Seterusnya, penetapan staf khusus dalam peringkat IPT juga amat ditekankan oleh LZS. Hal ini bertujuan untuk mencapai pengurusan zakat yang cemerlang yang disumbangkan oleh staf zakat yang terlatih. Untuk usaha itu, LZS akan merangka kursus dan bengkel secara berkala. Ini bermakna staf yang dilantik oleh penolong amil IPT perlu menjalani sesi latihan yang dikelola oleh LZS. Usaha ini merupakan antara terma yang perlu dipatuhi oleh penolong amil IPT yang dilantik agar dapat terus menjalankan operasi pengurusan zakat di peringkat IPT dengan cemerlang.

Mereka [wakil IPT] ni perlu hadir kepada sesi latihan yang telah kita [LZS] tetapkan supaya mana-mana lantikan IPT kakitangan yang dicadangkan untuk menguruskan itu terlatih dalam soal aspek kutipan mahu pun agihan zakat. Di situlah kami [LZS] merangka kursus dan bengkel bagi setiap pelantikan yang baru. Dekat sini, bila proses pelantikan dibuat, bukan sahaja soal aspek kutipan dan agihan saja, tapi dari segi sumber manusia tu juga ditekankan oleh pihak kami [LZS]. Bermaksud siapa yang menguruskan zakat bagi pihak IPT perlu wajib hadir sesi latihan yang kita [LZS] adakan, menghadiri sesi latihan yang akan dijalankan oleh LZS [2].

Seterusnya, peranan penolong amil IPT lain dalam pengurusan zakat adalah melibatkan urusan kutipan. Terdapat dua kaedah pembayaran zakat yang diguna pakai oleh unit zakat IPT dalam urusan mengutip zakat iaitu melalui Skim Potongan Gaji (SPG) dan melalui perkhidmatan kaunter. SPG merupakan skim khusus bagi pembayaran zakat pendapatan oleh staf universiti yang layak membayar zakat sahaja dengan melalui permohonan kepada Bahagian Sumber Manusia. Manakala bagi perkhidmatan kaunter pula, unit zakat dibenarkan untuk menerima apa-apa jenis pembayaran zakat harta daripada staf, alumni, vendor, anak syarikat universiti serta orang awam.

Rajah 4.3: Perkhidmatan di Unit Zakat Penolong Amil IPT

Sumber: Temu bual bersama Wakil LZS [2]

Sistem portal pembayaran zakat di kaunter zakat IPT adalah sama dengan portal yang digunakan oleh LZS serta resit yang dikeluarkan adalah rasmi daripada LZS. Penolong amil IPT juga perlu mahir menggunakan laman portal LZS yang digunakan untuk mengutip zakat daripada pembayar. Segala urusan penerimaan pembayaran zakat melalui kaunter IPT akan menggunakan sistem portal LZS oleh staf zakat IPT. Ini bermaksud, LZS dapat memantau segala pembayaran yang diterima di kaunter IPT. Semua maklumat penting seperti pembayar zakat, jenis zakat yang dibayar dan jumlah zakat dapat diakses. Inilah asas bahawa staf IPT perlu menjalani kursus dan bengkel yang dijalankan oleh LZS dalam usaha melancarkan pengurusan zakat IPT.

Dan dalam soal kutipan, kita [LZS] akan bekalkan sistem portal kepada pihak IPT. Jadi mana-mana IPT yang sudah dibekalkan sistem portal, mereka [IPT] boleh buat kutipan zakat secara rasmi. Di sini lah di mana proses pembayaran berlaku. Di mana pembayar-pembayar nak bayar zakat KWSP ke, simpanan ke, zakat saham ke, mereka [IPT] yang akan proses [2].

Peranan dan tanggungjawab penolong amil IPT daripada sudut agihan juga merupakan antara tugas utama mereka. Agihan zakat yang dilakukan oleh penolong amil IPT adalah berpandukan kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh LZS. Penolong amil IPT dibenarkan mengagihkan bantuan zakat kepada asnaf pelajar dalam kalangan warga universiti mereka sahaja. Keutamaan agihan zakat kepada asnaf pelajar adalah bagi kampus atau cawangan yang terletak di dalam negeri Selangor. Di samping itu, syarat penerima agihan zakat adalah pelajar di IPT tersebut tanpa mengira kepada asal usul kelahiran negeri mereka.

Dalam konteks pengagihan, kita [LZS] meletakkan pengagihan itu keutamaannya di dalam negeri Selangor [2].

Namun begitu, jika terdapat keperluan kepada universiti untuk menyalurkan agihan zakat kepada induk atau cawangan kampus di luar negeri Selangor adalah dibenarkan. Kadar agihan zakat yang dibenarkan adalah tidak melebihi satu pertiga daripada bahagian pulangan semula yang diberikan oleh LZS. Ini terikat kepada keutamaan agihan zakat kepada asnaf pelajar di dalam negeri Selangor sesuai dengan syarat dan terma serta sumber kutipan zakat yang dikutip daripada dalam negeri Selangor.

Tetapi dalam sudut yang lain pula, kita [LZS] membenarkan dari sudut agihan ke luar negeri Selangor kepada cawangan atau induk tidak melebihi satu per tiga. Bermakna ada juga contoh bila kita kata UIA ada dekat Kuantan dan Selangor, dia [UIA] kena bagi keutamaan tapi sebahagiannya dia [UIA] boleh bantu kat cawangan Kuantan, Gambang. Sama dengan UiTM, UiTM banyak cawangan kan. Ada juga yang cawangan bantu yang induk juga. Tidak melebihi satu per tiga. Sebab keutamaan kepada negeri Selangor [2].

Seterusnya, penolong amil IPT perlu menghantar laporan agihan zakat yang telah dilakukan secara bulanan kepada LZS. Laporan agihan tersebut perlu dihantar menggunakan platform e-agihan yang telah dibangunkan dan dibekalkan oleh LZS kepada pihak universiti. Pemantauan agihan zakat kepada asnaf pelajar turut dilakukan dari semasa ke semasa oleh pihak LZS dalam melihat proses agihan di peringkat universiti adalah mengikut kepada objektif asal pelantikan penolong amil IPT.

Dalam urusan pengagihan, kita [LZS] memberi pulangan balik, peruntukan agihan kepada IPT. Apa yang penting bagi Lembaga Zakat Selangor dari sudut agihan, pihak IPT perlu

menghantar laporan bulanan. Laporan bulanan kepada kami [LZS]. Jadi, laporan tersebut menggunakan platform e-agihan yang kita [LZS] bangunkan. Jadinya penghantaran laporan berdasarkan kepada sistem yang dibekalkan. Tiada penggunaan manual. Sebelum ini kita [LZS] guna manual, sudah naik taraf, kita [LZS] kemas kini. Jadi sekarang sistem adalah berasaskan kepada e-agihan. Jadinya, duit-duit agihan yang ada di IPT perlu dilaporkan kepada LZS [2].

Bukan itu sahaja, antara peranan dan tanggungjawab penolong amil IPT dalam agihan adalah perlu mengagihkan zakat kepada pelajar dengan efisien dan efektif. Ini bagi mengelakkan timbulnya isu lambakan dana zakat di peringkat IPT yang tidak diagihkan kepada asnaf pelajar. Pulangan semula yang diberikan LZS untuk agihan zakat harus dihabiskan dan digunakan sebaiknya untuk diagihkan kepada asnaf pelajar yang layak. Namun, agihan tersebut masih terikat kepada terma dan syarat yang dipersetujui sebagai penolong amil. Daripada laporan bulanan agihan tersebut, pihak LZS masih boleh memantau proses agihan zakat yang dilakukan penolong amil IPT.

Dan bukan sekadar kita [LZS] tengok dari segi kutipan, dari segi agihan juga perlu dibelanjakan dan diagihkan kepada pelajar supaya tidak berlaku lambakan duit agihan tidak diagihkan. Pantauan ini supaya duit agihan dihabiskan mengikut kepada syarat dan fatwa yang kita [LZS] tetapkan. Jadi kawalan dari sudut agihan pun dikawal dalam bentuk panduan dan juga fatwa dan dari segi gerak kerja. Untuk yang dihantar setiap bulan kita [LZS] akan dapat tahu duit agihan yang masih berbaki. Boleh tengok semua [2].


Antara keistimewaan yang diberikan kepada penolong amil IPT adalah ruang untuk mereka untuk berinovasi dalam melaksanakan agihan zakat kepada asnaf penerima khususnya pelajar. IPT diakui sebagai pusat pengajian tinggi yang terbuka kepada kajian dalam menghasilkan kaedah agihan terbaik dengan mengurus sendiri agihan zakat kepada pelajar. Mereka boleh menjalankan eksperimen dalam usaha mencapai kesan agihan yang terbaik khusus kepada asnaf pelajar. Justeru itu, agihan zakat oleh penolong amil IPT atas kebijaksanaan pihak pengurusan IPT dalam mempelbagaikan skim agihan agar asnaf pelajar dapat disantuni sebaiknya.

3.4 Bahagian Penolong Amil IPT dalam Pengurusan Zakat

Amil merupakan pihak yang paling penting dalam menguruskan hal berkaitan zakat. Tanggungjawab mereka dalam mengutip zakat daripada kalangan pembayar dan menguruskannya sebelum diagihkan kepada penerima asnaf. Amil berhak menerima bayaran daripada hasil kutipan zakat sama ada kurang, sama atau lebih daripada kadar 1/8 bahagian zakat. Ia bergantung kepada pemerintah dalam menyelesaikan hal tersebut. Tidak ada satu kadar yang ditetapkan bagi bahagian amil dalam zakat.

Sebagai imbalan kepada pelaksanaan wakalah berikut, penolong amil IPT menerima pulangan semula sebanyak 50 peratus daripada jumlah kutipan untuk diagihkan sendiri kepada warga mereka. Pulangan semula zakat berikut dipecahkan kepada dua iaitu bahagian upah amil sebanyak 6.25 peratus dan bahagian untuk diagihkan kepada asnaf yang lain sebanyak 43.75 peratus. Akan tetapi, asnaf yang dibenarkan menerima agihan tersebut terhad kepada warga IPT terbabit sahaja serta terhad kepada lima kategori sahaja iaitu asnaf fakir, miskin, muafaf, *fisabilillah* dan *ibn sabil*.

Rajah 4.4: Skim Pulangan Semula kepada Penolong Amil IPT



Sumber: Temu bual bersama Wakil LZS [2]

Daripada Rajah 4.4 tersebut, antara intipati penting yang boleh dilihat adalah upah atau bahagian untuk penolong amil sebanyak 6.25 peratus daripada jumlah kutipan zakat. Peningkatan kutipan zakat di peringkat dalaman IPT, mereka akan menerima lebih banyak bagi bahagian amil tersebut. Hal ini bermakna peruntukan untuk amil akan terus meningkat selari dengan peningkatan jumlah kutipan. Unit zakat IPT boleh menambah kapasiti staf mereka serta menambah keperluan atau peralatan yang diperlukan dalam memantapkan pengurusan unit zakat mereka mengikut kesesuaian.

Antara tujuan awal LZS dalam proses melantik IPT sebagai penolong amil adalah untuk berkongsi manfaat hasil kutipan zakat daripada warga IPT untuk para pelajar mereka yang memerlukan. Usaha sama tersebut melibatkan kepada pihak zakat IPT untuk memfokuskan kutipan zakat dalam kalangan warga mereka bagi pihak LZS serta agihan yang akan dilakukan. Kaedah ini lebih bersifat desentralisasi dalam pengurusan zakat kepada asnaf pelajar. Sekali gus, ia dapat mengurangkan birokrasi pengurusan zakat pendidikan di peringkat LZS.

Selain itu, lantikan ini juga memberi peluang kepada IPT untuk mendapatkan kemudahan kewangan daripada sumber lain khususnya zakat untuk kebajikan pelajar mereka. Seperti sedia maklum, masalah kewangan dihadapi oleh pelajar dengan kos-kos terlibat seperti yuran pengajian dan sara hidup amat mengganggu tumpuan mereka terhadap pelajaran. Dengan adanya kaedah ini, bantuan kewangan kepada asnaf pelajar yang layak dapat difokuskan dan menangani masalah yang dihadapi. Seterusnya, pelajar merasakan sedikit ketenangan dengan adanya sumber lain untuk mereka memohon bantuan dalam meneruskan pengajian di IPT.

Kebiasaannya bila universiti awam ni nampak pulangan yang kita [LZS] beri ni beri manfaat yang besar kepada pelajar, dah tentu daripada universiti awam yang lain pun berminat [menjadi amil]. Jadi, dekat sini pulangan yang diberikan kepada pihak universiti awam ini sangat bermanfaat kepada pelajar daripada sudut bantuannya. Di sini sebenarnya sebagai langkah bagaimana untuk institusi pendidikan memanfaatkan semua kemudahan kewangan yang ada untuk diberikan kepada kebajikan pelajar [2].

4. Kesimpulan

Pelantikan penolong amil dalam kalangan IPT di Selangor telah terlaksana lebih dua dekad. LZS telah menjadi rujukan dalam pengurusan zakat di peringkat IPT sama ada institusi awam mahupun swasta. Terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi jika ingin menjadi penolong amil IPT. Bukan itu sahaja, kajian ini juga menyajikan prosedur pelantikan penolong amil, peranan dan tanggungjawab penolong amil IPT di Selangor. Atas tanggungjawab tersebut, IPT menerima bahagian daripada kutipan zakat sebanyak 50 peratus daripada kutipan untuk agihan di peringkat IPT mereka.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas dukungannya sehingga tulisan ini dapat diterbitkan.

Rujukan

- [1] Baharuddin Sayin, S. Salahudin Suyurno dan Nazrudin Hashim, *Pengurusan Zakat Model UiTM*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UiTM, 2008.
- [2] Informan A (Wakil LZS), dalam temu bual dengan pengkaji, 20 Disember 2019.
- [3] Mohd Faisol Ibrahim, "Analisis Kaedah Bayaran Zakat Harta oleh Institusi Zakat di Malaysia," *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR)* 13, no.2 (2016), 101-124.
- [4] John W. Creswell, *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*, 3th ed. Washington DC: Sage Publication, 2016.
- [5] Sharan B. Merriam, *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: CA. Jossey-Bass, 1998.